

30 OCT 2003

Penyerahan-Upacara/I

UPACARA PENYERAHAN TUGAS PERDANA MENTERI BERLANGSUNG PETANG ESOK

KUALA LUMPUR, 30 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meyerahkan secara rasmi jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Istana Negara petang esok.

Jurucakap Jabatan Perdana Menteri memberitahu Bernama bahawa sempena upacara itu, para jemputan akan berhimpun di Balairong Seri di Istana Negara pada 2.30 petang.

Dr Mahathir dan Abdullah serta isteri dan anak masing-masing akan menghadiri upacara itu bersama orang kenamaan lain termasuk anggota Kabinet, Menteri Besar, Yang Dipertua Dewan Negara, Speaker Dewan Rakyat, Ketua-ketua Hakim, Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Setiausaha dan ketua-ketua Jabatan.

Dr Mahathir dan Abdullah akan tiba di Istana Negara secara berasingan dan dijangka memasuki serentak Balairong Seri pada pukul 3 petang, kata jurucakap itu.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail kemudian akan memasuki Balirong Seri untuk menyaksikan upacara mengangkat sumpah jawatan dan menandatangani surat cara perlantikan.

Selepas bacaan doa selamat, satu sesi bergambar akan diadakan sebelum Abdullah dan Dr Mahathir kembali secara berasingan ke Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di Pejabat Perdana Menteri di tingkat lima pada 4.10 petang, diikuti oleh Abdullah lima minit kemudian, kata jurucakap itu.

Mereka kemudiannya dijangka mengadakan pertemuan tertutup.

Dr Mahathir yang memperkenalkan sistem kad perakam waktu bagi kakitangan awam pada bulan pertama beliau menjadi Perdana Menteri, dijangka mengetip kad beliau untuk kali terakhir pada 4.45 petang.

Abdullah dan Dr Mahathir kemudiannya akan menuju ke Laman Perdana untuk menemui isteri masing-masing serta semua ketua setiausaha, ketua jabatan dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri.

Selepas upacara itu, Dr Mahathir akan pulang ke kediaman rasmi beliau di Seri Perdana.

Abdullah dijangka tiba di Jabatan Perdana Menteri untuk memulakan tugas baru beliau pada pukul 8 pagi, Isnin, 3 Nov, kata jurucakap itu.

Beliau dijadualkan disambut oleh ketua-ketua setiausaha dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Selepas mengetip kadnya pada 8:15 pagi, Abdullah secara rasmi akan memulakan tugas barunya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

-- BERNAMA

SMO AHH SP PR LAT